| | |
|---|---|
| **Dagangan :** COFFEE EXTRACTS PREPARATION CONTAINING ADDED SUGAR AND CREAMER FROM MILK<br>Nama Perdagangan : Nescafe Dolce Gusto Mocha<br>Jenama : Nescafe | **Kod Tarif :**<br>2101.12.91 00 (PDK 2017)<br><br>**Tarikh Kelulusan :**<br>12 Februari 2019 |

**<u>Keterangan Barangan :</u>**

<table>
<tr><td>Deskripsi</td><td>i. Barangan terdiri daripada dua kapsul plastik.<br>ii. Kapsul perang mengandungi serbuk halus berwarna perang dan berbau kopi manakala kapsul putih mengandungi serbuk halus berwarna krim.<br>iii. Serbuk halus berwarna perang dipek dalam kapsul plastik perang dengan berat bersih 12g/kapsul.<br>iv. Serbuk halus berwarna krim dipek dalam kapsul plastik putih dengan berat bersih 15g/kapsul.</td></tr>
<tr><td>Komponen / Bahan</td><td>Barangan diperbuat daripada :
<table>
<tr><td colspan="2">Ingredients</td></tr>
<tr><td>Mocha Capsule</td><td>i. Milk powder (32.08%)<br>ii. Sucrose (31.66%)<br>iii. Cocoa powder (23.75%)<br>iv. Soluble coffee (12.5%)</td></tr>
<tr><td>Milk Capsule</td><td>i. Whole milk powder (89.62%)<br>ii. Sugar (10.1%)<br>iii. Emulsifier soya lecithin (0.28%)</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Pembungkusan</td><td>i. Berat Kedua-dua kapsul dipek di dalam kotak<br>ii. Setiap kotak mengandungi 8 kapsul berwarna perang dan 8 kapsul berwarna putih.</td></tr>
<tr><td>Cara Penggunaan</td><td>i. Kapsul ini di bancuh dengan menggunakan mesin Dolce Gusto (a professional-grade pressure-based coffee and espresso machine).</td></tr>
</table>

Gambar




**<u>Dolce Gusto Machine</u>**






a. Raise locking handle to unlock capsule holder
b. Pull out capsule holder and remove rinsing tool
c. Insert 1 capsule into capsule holder, re-insert capsule holder
d. Use scroll wheel to adjust the BARS on the machine to match the BARS indicate on the capsule
e. Press the cold or hot button based on your selected beverage




**<u>Ketetapan</u>**

Ketua Pengarah Kastam memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **2101.12.91 00** sebagai ***Coffee extracts preparation containing added sugar and creamer from milk,*** berdasarkan alasan-alasan berikut:

1. Barangan terdiri daripada dua kapsul plastik. Kapsul perang mengandungi serbuk halus berwarna perang dan berbau kopi manakala kapsul putih mengandungi serbuk halus berwarna krim.

2. Analisis pakar mengesahkan:

   i. Kapsul perang mengandungi serbuk berwarna perang yang terdiri daripada ekstrak kopi, serbuk koko, *lactose, protein*, minyak sayuran, gula (*sucrose*) dan 6.6% bahan tidak organik (kebanyakkan sebatian *potassium*).

   ii. Kapsul putih mengandungi serbuk berwarna krim yang terdiri daripada *lactose*, *milk fat, protein*, gula (*sucrose*), dan 5.1% bahan tidak organik (kebanyakkan sebatian *potassium, calcium* & *phosphorus*).

3. Kegunaan barangan adalah untuk membuat minuman dengan menggunakan peralatan *coffee maker* Dolce Gusto.

4. Kedua-dua kapsul perang dan putih ini dipek dalam satu kotak sebagai ’set’ untuk jualan secara runcit. Setiap kotak mengadungi 16 kapsul yang terdiri daripada 8 kapsul berwarna perang dan 8 kapsul berwarna putih.

5. Barangan ini didapati memenuhi kriteria sebagai *in set* seperti maksud di atas :

   i. Barangan terdiri daripada satu kapsul yang mengandungi ekstrak kopi, serbuk koko, serbuk susu dan *sucrose* serta satu kapsul yang mengandungi *whole milk powder*, gula dan *emulsifier soya lecithin*.

   ii. Campuran ekstrak kopi dan campuran *whole milk powder* digunakan bersama dalam satu aktiviti iaitu untuk membuat minuman

   iii. Barangan dipek untuk djual secara runcit bukan untuk *repacking.*

6. Campuran serbuk kopi dan koko lebih memberikan sifat perlu (*essential character*) kepada barangan, manakala *creamer (whole milk powder)* adalah bersifat *subsidiary* berdasarkan kepada :

   i. Nama produk tersebut adalah mocha. Sebagaimana didefinasikan di dalam Oxford Dictionaries (sila rujuk kandungan 8), “mocha“ bermaksud “*A type of **fine-quality coffee**. A drink or flavouring made with mocha, typically with **chocolate added**”*

   ii. Nama mocha itu sendiri berasal dari nama sebuah bandar pelabuhan di Yaman iaitu Mukha, yang merupakan antara pusat perdagangan kopi terawal pada kurun ke 19

   iii. Penlabelan pada kotak pembungkusan menunjukkan barangan adalah “Nescafe” yang merupakan jenama bagi produk kopi (*Nescafé is a brand of coffee* )

7. Walaupun kandungan serbuk koko (23.75%) lebih banyak daripada ekstrak kopi (12.5%), namun ia hanyalah sebagai *chocolate-flavored variant* bagi kopi mocha.

8. Berdasarkan struktur PDK 2017 di bawah *heading* 21.01, kod tarif yang sesuai bagi Nescafe Dolce Gusto Mocha ialah 2101.12 91 00 :

***21.01 Extracts, essences and concentrates, of coffee, tea or maté, and preparations with a basis of these products or with a basis of coffee, tea or maté; roasted chicory and other roasted coffee substitutes, and extracts, essences and concentrates thereof.***

*- Extracts, essences and concentrates, of coffee, and preparations with a basis of these extracts, essences or concentrates or with a basis of coffee:*

*2101.11 - - Extracts, essences and concentrates:*

*2101.11.10 00 - - - Instant coffee*

*2101.11.90 00 - - - Other*

*2101.12 - - Preparations with a basis of extracts, essences or concentrates or with a basis of coffee:*

*2101.12.10 00 - - - Mixtures in paste form with a basis of ground roasted coffee, containing vegetable fats*

*- - - Other:*

***2101.12.91 00 - - - - Coffee preparation with a basis of extracts, essences or concentrate containing added sugar, whether or not containing creamer***

*2101.12.92 00 - - - - Coffee preparation with a basis of ground roasted coffee containing added sugar,whether or not containing creamer*

*2101.12.99 00 - - - - Other*